# Pk. P.U. 12 (29 Ogos 1996)

# Undang-Undang Kecil Gerai Tepi Jalan Kepunyaan Majlis (MDM) 1996

# (AKTA 171)

# 29

## Undang-Undang Kecil
## Gerai Tepi Jalan Kepunyaan Majlis
## (MDM)1996
## (AKTA 171)

18 SEP 1996

PERPUSTAKAAN
Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri
Perak Darul Ridzuan

NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

... 49
Bil. 18 | 29hb Ogos 1996 | *TAMBAHAN No. 8 PERUNDANGAN*

Pk. P.U. 12.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN

### Undang-Undang Kecil Gerai Tepi Jalan Kepunyaan Majlis (Majlis Daerah Manjung) 1996

---

### SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

---

Undang-Undang Kecil

1. Nama dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Larangan mengguna gerai tanpa lesen; dan keengganan.
4. Bayaran sewa pendahuluan.
5. Kuasa untuk mengeluarkan.
6. Larangan.
7. Tanggungjawab pemegang lesen.
8. Penyerahan balik gerai.
9. Larangan berjudi dan memelihara binatang.
10. Pemakaian PK. PU 48/83.
11. Fee.
12. Sewaan.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

### UNDANG-UNDANG KECIL GERAI TEPI JALAN KEPUNYAAN MAJLIS (MAJLIS DAERAH MANJUNG) 1996

*Akta 171.*

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 73, Akta Kerajaan Tempatan 1976 Majlis Daerah Manjung dengan ini membuat dan mengikut seksyen 103 Akta tersebut, Fihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

Nama dan pemakaian.

1. Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Gerai Tepi Jalan Kepunyaan Majlis (Majlis Daerah Manjung) 1996 dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Manjung.

Tafsiran.

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Majlis" ertinya Majlis Daerah Manjung;

"Gerai tepi jalan kepunyaan Majlis" ertinya mana-mana gerai atau bangunan yang dibina dengan kumpulan wang Majlis, Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan atau mana-mana agensi kerajaan kemudiannya diserahkan kepada Majlis dan disewa kepada pemegang-pemegang atau penghuni-penghuni gerai berlesen yang diluluskan;

"pemegang lesen" ertinya mana-mana orang yang dikeluarkan lesen di bawah undang-undang kecil 3;

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Manjung dan termasuklah Setiausaha;

Larangan mengguna gerai tanpa lesen: dan keengganan.

3. *(a)* Tiada seorang pun boleh mengguna mana-mana gerai tepi jalan atau bangunan kepunyaan Majlis tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua dengan suatu fee yang ditetapkan di bawah undang-undang kecil 11.

*(b)* Yang Dipertua boleh enggan mengeluarkan lesen atau membenarkan sesuatu lesen diperbaharui tanpa memberi apa-apa sebab.

Bayaran sewa pendahuluan.

4. Apabila diluluskan lesen kepada mana-mana pemohon bagi suatu gerai tepi jalan dia adalah dikehendaki membayar pendahuluan sewa sebulan terlebih dahulu dan disamping itu membayar deposit dua bulan sewa dan deposit itu akan dikembalikan jika dan bila dia mengosongkan gerai itu, dengan syarat tiada tunggakan sewa dan tiada kerosakan berlaku pada gerai tersebut.

Kuasa untuk mengeluarkan.

5. Jika bayaran sewa terakru dan tertunggak selama suatu tempoh melebihi satu bulan, Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis boleh mengeluarkan atau menyebabkan dikeluarkan daripada mana-mana gerai tepi

jalan, kepunyaan Majlis dan boleh menghalang penghuni atau pelesen itu sendiri atau pekerjanya daripada meneruskan apa-apa perniagaan dalam atau menduduki mana-mana gerai dan boleh menamatkan pemegangan gerai itu.

6. Tiada pemegang lesen boleh tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua- Larangan.

(a) membuat apa-apa tambahan atau pengubahan kepada mana-mana gerai tepi jalan kepunyaan Majlis atau kepada apa-apa pepasangan atau pemasangan eletrik;

(b) menggunakan kayu api dalam perniagaannya melainkan dikecualikan oleh Yang Dipertua;

(c) memindah penyewaan gerainya kepada mana-mana orang lain.

7. Pemegang lesen hendaklah- Tanggungjawab pemegang lesen.

(a) bertanggungan untuk membayar atas apa-apa kerosakan yang sengaja dilakukan kepada gerai kecuali kerosakan yang disebabkan oleh penggunaan yang biasa;

(b) menyediakan tong sampah jenis yang diluluskan oleh Majlis; dan

(c) membayar bagi penggunaan air dan eletrik.

8. Sebelum penyerahan balik sesuatu gerai pemegang lesen hendaklah memberi 2 bulan notis secara bertulis terlebih dahulu dan sekiranya gagal berbuat demikian dia adalah bertanggungjawab untuk membayar 2 bulan sewa tambahan dan fee lesen. Penyerahan balik gerai.

9. Mahjong atau lain-lain jenis perjudian tidak dibenarkan dan juga anjing, ayam itik, burung atau lain-lain binatang tidak dibenarkan dipelihara di dalam gerai. Larangan berjudi dan memelihara binatang.

10. Bagi maksud Undang-Undang Kecil ini peruntukan-peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Daerah Manjung) 1993 dalam hal gerai-gerai yang menjual makanan, minuman atau barang hendaklah terpakai kecuali fee lesen yang dinyatakan dalamnya hendaklah dibayar tiap-tiap bulan terlebih dahulu. Pemakaian. Pk. PU 48/83.

11. Fee lesen bulanan bagi gerai-gerai tepi jalan kepunyaan Majlis adalah dengan ini ditetapkan seperti berikut- Fee.

| | | | |
|---|---|---|---|
| (a) | (i) | keluasan gerai melebihi 10 meter persegi | RM10.00 sebulan |
| | (ii) | keluasan gerai melebihi 10 meter persegi tetapi tidak melebihi 20 meter persegi | RM15.00 sebulan |

| | | |
|---|---|---|
| (iii) | keluasan gerai melebihi 20 meter persegi tetapi tidak melebihi 30 meter persegi | RM20.00 sebulan |
| (iv) | keluasan gerai yang melebihi 30 meter persegi luasnya dengan kadar RM20 sebulan ditambah RM15 sebulan bagi tiap-tiap tambahan 20 meter persegi atau sebahagian daripadanya bagi keluasan melebihi 30 meter persegi. | |

Dengan syarat dalam hal gerai-gerai di dalam lingkungan pekan yang berikut adalah dikecualikan 25% daripada fee yang dinyatakan di perenggan (a)—

Kampung Bharu (Lumut), Segari, Damar Laut, Pengkalan Bharu, Beruas, Changkat Keruing, Sungai Batu, Pasir Bogak, Kampung China (Sitiawan), Pasir Panjang Laut, Batu 8 Lekir, Simpang Dua (Sitiawan) dan Simpang Tiga (Sitiawan).

(*b*) Dalam mengira keluasan gerai bagi tujuan perenggan (a) keluasan tersebut hendaklah termasuk semua kawasan beratap dan sengkuap, dan dalam hal gerai-gerai tepi jalan yang bukan di tepi jalan awam atau halaman hendaklah juga termasuk semua lengkapan dan lekapan yang biasanya tidak dialih.

Sewaan. 12. Sewa bulanan bagi gerai-gerai tepi jalan kepunyaan Majlis adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual.

JADUAL

(undang-undang kecil 12)

| *Bil.* | *Tempat* | *Sewa Bulanan (RM)* |
|---|---|---|
| 1. | Gerai di Medan Selera, Lumut | 90.00 |
| 2. | Gerai di depan Jeti, Lumut | 25.00 |
| 3. | Gerai di jalan Pangkor, Lumut | 45.00 |
| 4. | Gerai di Jalan Titi Panjang, Lumut | 180.00 |
| 5. | Gerai di Stesen Bas, Lumut | 200.00 |
| 6. | Gerai di depan Bazar Mara, Lumut (menjual hasil laut) | 30.00 |
| 7. | Gerai di depan Bazar Mara, Lumut (menjual barang kraftangan) | 30.00 |
| 8. | Gerai di depan Bazar Mara, Lumut (menjual makanan) | 30.00 |

| *Bil.* | *Tempat* | *Sewa Bulanan (RM)* |
|---|---|---|
| 9. | Gerai berhampiran Masjid Al-Adly, Lumut | 100.00 |
| 10. | Gerai (kiosk) berhampiran Menara Jam, Lumut | 30.00 |
| 11. | Gerai (kiosk) di Teluk Batik, Lumut | 25.00 |
| 12. | Kiosk di Teluk Batik, Lumut | 15.00 |
| 13. | Gerai di tepi Jeti, Lumut | 30.00 |
| 14. | Gerai di Pasir Bogak, Pulau Pangkor | 30.00 |
| 15. | Gerai dan kiosk di depan D'Village Pulau Pangkor | 30.00 |
| 16. | Gerai di depan Jeti Pulau Pangkor | 45.00 |
| 17. | Gerai di Pusat Penjaja Pasir Bogak, Pulau Pangkor | 45.00 |
| 18. | Gerai di depan Rumah Awam Jalan Pasir Bogak, Pulau Pangkor | 45.00 |
| 19. | Gerai di depan Pasar Awam Jalan Lumut, Sitiawan | 30.00 |
| 20. | Gerai di depan Pasar Awam Jalan Besar, Kampung Koh | 30.00 |
| 21. | Gerai di Jalan Central, Ayer Tawar | 35.00 |
| 22. | Gerai di Stesen Bas, Seri Manjung | 90.00 |
| 23. | Gerai di Kampung Baru Changkat Kruing, Ayer Tawar | 50.00 |
| 24. | Gerai di Lorong Pasar, Beruas | 30.00 |
| 25. | Gerai di Kiri Kanan Bangunan Astaka, Sitiawan | 50.00 |

Diperbuat pada 9hb Disember 1995.
[MDM U/1/1/39; P.U. Pk. 59/72.]

HJ. ANWAR B. HJ. ABDUL RAHMAN,
*Yang Dipertua,*
*Majlis Daerah Manjung*

Disahkan pada 5hb Jun 1996.
[PSUK. Pk. (KT) 30/14/10/10.]

MHD. NAJRI BIN ABD. HAMID,
*Setiausaha,*
*Majlis Mesyuarat Kerajaan,*
*Negeri Perak*

# LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

## COUNCIL OWNED STREET-STALLS (MANJUNG DISTRICT COUNCIL) BY-LAWS 1996

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-law

1. Citation and application.
2. Interpretation.
3. Prohibition to use stall without licence and refusal.
4. Advance payment of rental.
5. Power to expel.
6. Prohibition.
7. Responsibility of a licensee.
8. Giving up stall.
9. Gambling and keeping of animals prohibited.
10. Application PK. PU 48/83.
11. Fee.
12. Rental.

# LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

## COUNCIL-OWNED STREET-STALLS (MANJUNG DISTRICT COUNCIL) BY-LAWS 1996

Act 171. IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976, the Manjung District Council hereby makes, and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms the following by-laws:

Citation and application. 1. These By-laws may be cited as the **Council-Owned Street-Stalls (Manjung District Council) By-Laws 1996** and shall apply only to the Manjung District Council area.

Interpretation. 2. In these By-laws, unless the context otherwise requires—

"Council" means the Manjung District Council;

"Council-owned street stall" means any stall or buildings constructed with the Council Fund, State or Federal Fund or any government agencies handed over to the Council and let out to approved licensed stallholders or occupiers.;

"licensee" means any person issued with a licence under by-law 3;

"President" means the President of Manjung District Council and includes the Secretary.;

3. *(a)* No Person shall use any Council-owned-street stall without a licence issued by the President with such fees as prescribed in by-law 11. Prohibition to use stall without licence and refusal

*(b)* The President may refuse to issue a licence or to grant the renewal of any licence without assigning any reason therefor.

4. Upon approval of a licence to any applicant for a street-stall he shall be required to pay one month's rental in advance and in addition to make a deposit of two month's rental and such deposit will be refunded if and when he vacates the stall, provided that no rentals are in arrears and no damage has been caused to the stall. Advance payment of rental.

5. If the rental shall accrue and in arrear for a period of exceeding one month the President or any officer authorised in writing may expel or caused to be expelled from any Council-owned street stall and may prevent such occupier or licensee by himself or his servant from further carrying on any trade in or occupying any stall and may determine the tenure of such stall. Power to expel.

6. No licensee shall without the written permission of the President— Prohibition.

*(a)* make any addition or alteration to any council-owned-street stall or to any electrical fittings or installations;

*(b)* use firewood in his trade unless exempted by the President;

*(c)* transfer the tenancy of his stall to any other person.

7. A licensee shall— Responsibility of a licensee.

*(a)* be liable to pay any damage wilfully caused to the stall except fair wear and tear;

*(b)* provide an approved Council type of dust-bin; and

*(c)* pay for the consumption of water and electricity.

8. Prior to giving up or surrendering a stall a licensee shall give 2 months notice in writing, failing which he shall be liable to pay for 2 additional months rental and licence fee. Giving up stall.

Gambling and keeping of animals prohibited

9. No mahjong or any other form of gambling is permitted nor any dog, poultry or any other animal is allowed to be kept in the stall.

Application Pk. PU 48/83

10. For the purpose of these By-laws the provisions of Hawkers By-Laws (Manjung District Council) 1983 in the case of stalls engaged in the sale of food, drinks or goods shall apply except that the licence fee specified therein shall be paid monthly in advance.

Fee.

11. The monthly licence fee for Council-owned street stalls are prescribed as follows—

| | | | |
|---|---|---|---|
| *(a)* | (i) | stall of size not more than 10 square metres in area | RM10.00 per mensum |
| | (ii) | stall of more 10 but not more than 20 square metres in area | RM15.00 per mensum |
| | (iii) | stall of more than 20 square metres but not more than 30 square metres in area | RM20.00 per mensum |
| | (iv) | stall of over 30 square metres in area at the rate of RM20 per mensum plus RM15 per mensum for each additional 20 square metres or part thereof in area exceeds of 30 square metres. | |

Provided that in the case of stalls within the following town limit there shall be exempted 25% of the fee stated in paragraph (a)—

Kampung Bharu (Lumut), Segari, Damar Laut, Pengkalan Bharu, Beruas, Changkat Keruing, Sungai Batu, Pasir Bogak, Kampung China (Sitiawan), Pasir Panjang Laut, Batu 8 Lekir, Simpang Dua (Sitiawan) and Simpang Tiga (Sitiawan).

*(b)* In calculating the area of stall for the purpose of paragraph (a) such area include all coverings and awnings and, in the case of street-stalls not on a public street or courtyard, shall also include all fittings and fixtures not customarily removed.

Rental

12. The monthly rentals for Council-owned-street stalls in column (1) are as prescribed in the Schedule.

SCHEDULE

(by-law 12)

| *No.* | *Place* | *Monthly (RM)* |
|---|---|---|
| 1. | Stalls at Medan Selera, Lumut | 90.00 |
| 2. | Stalls infront of Lumut Jetty | 25.00 |
| 3. | Stalls at Jalan Pangkor, Lumut | 45.00 |
| 4. | Stalls at Jalan Titi Panjang, Lumut | 180.00 |
| 5. | Stalls at Bus Station, Lumut | 200.00 |
| 6. | Stalls infront of Bazar Mara, Lumut (Selling Marine Product) | 30.00 |
| 7. | Stalls infront of Bazar Mara, Lumut (Selling Handicraft) | 30.00 |
| 8. | Stalls Mara, Lumut (Selling Food) | 30.00 |
| 9. | Stalls near Masjid Al-Adly, Lumut | 100.00 |
| 10. | Stall (kiosk) near clock tower, Lumut | 30.00 |
| 11. | Stalls at Teluk Batik | 25.00 |
| 12. | Kiosk at Teluk Batik | 15.00 |
| 13. | Stalls beside Lumut Jetty | 30.00 |
| 14. | Stalls at Pasir Bogak, Pulau Pangkor | 30.00 |
| 15. | Stalls and in front of D'Village Pulau Pangkor | 30.00 |
| 16. | Stalls infront of Pangkor Jetty | 45.00 |
| 17. | Stalls at Hawker Centres Pasir Bogak, Pangkor | 45.00 |
| 18. | Stalls infront of Low-Cost House, Jalan Pasir Bogak, Pangkor | 45.00 |
| 19. | Stalls infront of Public Market, Lumut Road, Sitiawan | 30.00 |
| 20. | Stalls infront of Public Market Kampung Koh | 30.00 |
| 21. | Stalls at Jalan Central Ayer Tawar | 35.00 |
| 22. | Stalls at Bus Station, Seri Manjung | 90.00 |

| No. | Place | Monthly (RM) |
|---|---|---|
| 23. | Stalls at Changkat Keruing New Village, Ayer Tawar | 50.00 |
| 24. | Stalls at Lorong Pasar, Beruas | 30.00 |
| 25. | Stalls beside Astaka Building Sitiawan | 50.00 |

Made this 9th day December 1995.
[MDM U/1/1/39; P.U.Pk. 59/72.]

HJ. ANWAR B. HJ. ABDUL RAHMAN,
*Yang Dipertua,*
*Majlis Daerah Manjung*

Confirmed this 5th June 1996.
[PSUK.Pk. (KT) 30/14/10/10.]

MHD. NAJRI BIN ABD. HAMID,
*Secretary,*
*State Executive Council,*
*Perak*

Pk. P.U. 13.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

### UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING (MAJLIS DAERAH LENGGONG) 1996

---

### SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

---

Undang-Undang Kecil

1. Nama, pemakaian dan kuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Kehendak pelesenan.
4. Prosedur pelesenan.
5. Pertukaran keempunyaan anjing berlesen.
6. Kehilangan lencana logam.
7. Pemakaian kolar anjing dan lencana logam.
8. Kewajipan pemunya.
9. Pembinasaan
10. Bilangan anjing yang dibenarkan.
11. Pelesenan tempat-tempat di mana anjing disimpan bagi maksud komersial.
12. Penalti.